

Bil.	Disease	Tindakan	Pegawai yang terlibat	MAKLUMBALAS
1.	Brucellosis	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ujian CFT perlu dijalankan dalam masa TAT yang ditetapkan. Sila berikan bilangan sampel di luar TAT untuk 2018.</li> <li>• Sila pastikan tiada kes-kes tunggakan</li> <li>• Perkembangan ujian ELISA B.mellitensis dan B. abortus</li> </ul>	<p>Pn Nurul Fatiha</p> <p>Dr. Zurin Azlin</p>	<p>Pn. Fatiha : Kesemua kes brucella CFT dijalankan di dalam tempoh TAT. TAT adalah 100% bagi tahun 2018</p> <p>Dr.Zurin: VRI menjalankan pembangunan ELISA Brucella abortus bermula tahun 2015 diketuai oleh Dr. Zurin Azlin.</p> <p>Pada tahun ini milestone kajian adalah validasi ujian. Validasi telah dijalankan dengan bilangan sampel yang kecil sehingga Mei 2018.</p> <p>Pada Jun 2018, Pengarah VRI Dr.Sohayati telah mengarahkan projek ini diserahkan dan dijalankan oleh Cik Aimi Sharina.</p>
2	Salmonella	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlu jalankan analisa prevalen dari kes-kes yang di diagnos di VRI</li> </ul>	<p>Pn. Roseliza</p>	<p>Analisa bagi penyakit salmonellosis terutama dalam ayam dan unggas telah dijalankan dari masa ke semasa. Perkembangan terkini berkaitan</p>

				<p>analisa prevalen dari kes-kes yang didiagnos di VRI telah dibentangkan melalui pembentangan poster dalam World Poultry Science Association (WPSA) -World Veterinary Poultry Association (<b>WVPA</b>) (Malaysia Branch) Scientific Conference 2018 [18 Apr 2018 - 19 Apr 2018] bertajuk "Salmonella enterica Serovar Enteritidis In Meat Products". Pembentangan analisa prevalen dalam konferen saintifik bergantung kepada kelulusan pihak ibupejabat sahaja.</p>
3.	Rabies	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkembangan Ujian serum neutralization test (snt)</li> <li>• Semua perolehan &amp; latihan perlulah dijalankan</li> </ul>	Dr. Ahmad Fikri	<p>Ujian serum neutralization test Rabies (FAVN) sedang berjalan.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Local isolate rabies telah berjaya diasingkan dan telah dibuat propagasi virus tersebut, dalam peringkat untuk mendapatkan jujukan DNA bagi isolate tersebut</li> <li>b) Perolehan CVS-11 (antigen rabies rujukan) tidak berjaya dilakukan kerana pengeluaran antigen</li> </ol>

				<p>tersebut telah dihentikan oleh pembekal. Sedang dalam proses mendapatkan bantuan dari makmal rujukan OIE (Nancy Laboratory for Rabies and Wildlife, France)</p> <p>c) Dalam proses mendapatkan OIE reference serum from dog origin dari makmal rujukan OIE. Serum rujukan ini adalah penting sebagai kawalan semasa menjalankan ujian.</p> <p>d) Perolehan consumables untuk menghasilkan SNT ini telah dilaksanakan.</p>
4.	FMD Vaksin	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkembangan Program FMD bersama Seksyen SKAP &amp; EPIS (BSPS)</li> </ul>	Pn. Suriani	<p>BPI telah mencalonkan Pn. Suriani Mohd Noor sebagai RO bagi membantu projek EPIS yang diketuai oleh Dr. Salina bt Amad Bugis bertajuk Kajian Keberkesanan Vaksinasi Penyakit FMD (Post Vaccination Monitoring). Satu mesyuarat telah diadakan pada 20 September 2018 di Bilik Mesyuarat Utama, BSPS. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh Pn. Suriani (RO</p>

				<p>projek) dan BPI diwakili oleh Dr. Ramlan bin.Mohammed. serta wakil-wakil Bahagian/Seksyen berkaitan (Rujukan surat JPV/PBS/600-2/2(13). Mesyuarat telah mencadangkan kajian tersebut diubah kepada Kajian Keberkesanan Program Pemvaksinan FMD yang melibatkan skop kawasan lebih besar . Dr. Salina telah diminta untuk membincangkan semula kajian beliau dengan Pengarah BSPS dan Ketua SKAP.</p> <p>Sehingga kini tiada perkembangan terbaru dari pihak BSPS berkenaan projek tersebut.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkembangan ujian virus neutralization test untuk PVM FMD</li> </ul>	Pn. Suriani	<p>Pasukan penyelidik Vaksin FMD sedang membiakganda virus untuk tujuan penghasilan antigen dan antiserum bagi pembangunan ujian Serum Neutralization Test (SNT) dan Virus Neutralization Test (VNT). Status semasa tiada antigen dan antiserum rujukan untuk kegunaan ujian SNT dan VNT.</p>

5.	African Swine Fever	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlulah dibangunkan <i>test PCR</i> untuk daging import</li> </ul>	Pn. Roslina	<p>Buat masa ini, terdapat Ujian PCR African Swine Fever (ASF) yang telah dibangunkan di VRI bagi kegunaan kes rutin diagnostik. Ujian tersebut juga telah divalidasi melalui penyertaan program Proficiency Test (PT) anjuran AAHL, Geelong Australia bermula tahun 2014 sehingga 2018 dengan menggunakan sampel yang sesuai seperti serum, darah dan juga <i>pooled organ (hati, limpa)</i>. Oleh itu, ujian PCR ASF yang sedia ada boleh diguna pakai bagi sampel daging import tersebut. Bagaimanapun, sampel tersebut mungkin kurang sesuai bagi menjalani pengesanan ASF.</p>
6.	Rift Valley Fever	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlulah dibangunkan Ujian Rift Valley Fever</li> </ul>	Pn. Roslina	<p>Bagi pembangunan Ujian Rift Valley Fever (RVF), 3 set primer sedang diperolehi dari rujukan Espach et al., 2002 dan Sall et al., 2001 mengikut standard OIE. Bagaimanapun, kawalan positif bagi ujian RT-PCR RVF masih belum dapat diadakan dan kos perolehan dianggarkan sebanyak RM7,100.</p>

7.	TB	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ujian CCT perlu dibangunkan</li> </ul>	Dr. Zurin Azlin	Ujian CCT / tuberculin skin test dijalankan kerana keperluan projek. Ujian CCT perlu dilakukan pada kulit ternakan di ladang.
8.	B Agonist	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembangunan Ujian</li> </ul>	Pn. Marni	Adalah dimaklumkan bahawa ujian B-agonist telah digunakan sebagai <b>ujian rutin</b> di dalam Program Pemantauan Kebangsaan Makanan Hasil Haiwan oleh DVS sejak tahun 2011 yang dijalankan oleh MKAV Salak Tinggi. Untuk makluman tuan juga, makmal berupaya mengesan 14 jenis B-agonist menggunakan alat LC-MS/MS. Target tisu untuk drug ini adalah liver. Walau bagaimana pun ujian juga berupaya mengesan drug ini dalam sampel urin, liver dan daging bagi spesis ayam, lembu/kerbau dan babi.